



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
ISNIN 8 MAC 2021**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2. 3.	MAFI SASAR 8,800 TAN METRIK HASIL PERTANIAN BANDAR, SH -ONLINE INDUSTRI TERNAKAN   FOKUS SECTOR RUMINAN, JAMIN BEKAL MAKANAN, ASTRO AWANI -ONLINE CHE ABDULLAH: COST OF LIVING WILL REDUCE BY RM1,300, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A3	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
4. 5.	PINDA AKTA PERLUAS KUASA MAQIS, LOKAL, HM -22 MAQIS SERAH AYAM BEKU SELUDUP UNTUK ZOO NEGARA, NEGERI KELANTAN, SH -28	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
6. 7.	NELAYAN VIETNAM CURI IKAN NEGARA, NEGARA, KOSMO -18 KAUT HASIL LAUT RM1.5 JUTA GUNA BOT KLON, MAHKAMAH & JENAYAH, SH -21	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
8. 9.	LEMBU KK ELIT LEBIH BESAR, HASIL FORMULASI MAKANAN TERNAKAN MARDI, ASTRO AWANI -ONLINE 500KG CATTLE POSSIBLE WITH MARDI'S LATEST LIVESTOCK FEED, THE VIBES.COM -ONLINE	INSTITUT KEMAJUAN DAN PENYELIDIKAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
10.	SELAMAT MENYAMBUT HARI WANITA SEDUNIA, LAPORAN KHAS, SH -7	AGROBANK
11.	NELAYAN DIAJAR ASAS BAHASA INGGERIS, K2, KOSMO -29	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
12. 13.	400 HEKTAR TANAH DISEDIAKAN KEPADA SISWAZAH, NEGERI PERAK/P.PINANG, SH -26 BERBAKTI PADA TANAH DI USIA 77, LAPORAN KHAS, SH -7	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	SINAR HARIAN	ONLINE	

## MAFI sasar 8,800 tan metrik hasil pertanian bandar



Che Abdullah (empat dari kanan) bersama penduduk di Pasir Pekan, Tumpat menunjukkan hasil tanaman terung menerusi Projek Pertanian Bandar Komuniti Belia Pasir Pekan di Masjid An-Nur, Mukim Kubang Labu, Tumpat pada Ahad.

TUMPAT - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menasaskan 8,800 tan metrik hasil pengeluaran pertanian selamat untuk dimakan menerusi Projek Pertanian Bandar menjelang 2025.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Datuk Che Abdullah Mat Nawi berkata, jumlah itu akan membantu isi rumah meringankan kos sara hidup melalui pengeluaran sendiri bahan makanan termasuk sayur-sayuran.

"Anggaran jumlah kos sara hidup yang dapat dijimatkan oleh setiap pengusaha sebanyak RM1,296 pada tahun ini dan akan lebih jimat kepada RM1,680 pada tahun 2025 sekiranya program

dilaksanakan secara berterusan.

"Program melibatkan penduduk di kawasan bandar dan pinggir bandar secara individu atau berpasukan (komuniti)," katanya kepada pemberita pada Program Memungut Hasil Projek Pertanian Bandar Komuniti Belia Pasir Pekan di Masjid An-Nur, Mukim Kubang Labu di sini pada Ahad.

Hadir sama, Pengarah Pertanian Kelantan, Nor Bahani Zakaria.

Beliau berkata, program dilaksanakan di bawah Pakej Jana Semula Ekonomi Negara (Penjana) dengan bimbingan Jabatan Pertanian selain kerjasama pelbagai jabatan dan agensi berkaitan di negeri dan Persekutuan.

"Peserta akan menghasilkan produk pertanian sama ada untuk kegunaan sendiri atau dijual," katanya.

Menurutnya, di Kelantan, sebanyak RM900,000 diperuntukkan dibawah Penjana sejak Ogos tahun lalu bagi memastikan pengeluaran bahan makanan mencukupi, berkualiti dan selamat dimakan.

"Projek Pertanian Bandar Komuniti Belia Pasir Pekan menerima peruntukan sebanyak RM23,000 melibatkan 10 individu secara berkelompok.

"Mereka menanam sebanyak 1,000 pokok terung dan menuai hasil sebanyak tiga kali sejak tahun lalu serta memberi pulangan lumayan.

Beliau menjangkakan kelompok itu mampu mengeluarkan hasil sebanyak 6,000 kilogram terung dalam tempoh enam bulan dari sekarang dengan pulangan hasil mencecah RM30,000.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Industri Ternakan | Fokus sector ruminan, jamin bekal makanan



Kementerian Pertanian dan Industri Makanan optimis mengembangkan industri ternakan ruminan bagi menjamin bekalan makanan dalam negara mencukupi. Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata langkah yang dilakukan itu sekali gus mengurangkan kebergantungan kepada daging import.

Headline	Che Abdullah : Cost of living will reduce by RM1,300		
Media Title	Nanyang Siang Pau		
Date	08 Mar 2021	Color	Full Color
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A3	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	281 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,535
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,604



## 城市农业若持续 业者生活成本降千三

(哥打峇鲁 7 日讯) 农业及食品工业部第二副部长拿督仄阿都拉说，城市农业项目若能持续性进行，今年能把每名业者的生活成本降低 1296 令吉，到了 2025 年可降低 1680 令吉。

他说，城市农业项目在农业部的指导下，可自行生产食品以帮补家用，减轻生活负担。

他今日出席巴西北根青年社区的城市农业项目产品收购活动后，这么说。

另一方面，他指出，巴西北根青年社区的城市农业项目涉及 10 人，并获 PENJANA 分

配 2 万 3000 令吉的拨款进行项目。自去年以来，他们种植

了 1000 棵茄子树，收获增加三倍，有关农作物也为他们带来丰厚的回报。

“我们预计他们从现在起的 6 个月内，能生产 6000 公斤的茄子，并可达到 3 万令吉的收益。”



仄阿都拉参观巴西北根青年社区种植的茄子树

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	HARIAN METRO	LOKAL	22

# Pinda akta perluas kuasa Maqis

**Rantau Panjang:** Pindaan Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kini di peringkat akhir penelitian oleh Jabatan Peguam Negara sebelum dibawa ke Parlimen untuk kelulusan.

Ketua Pengarah Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis), Saiful Yazan Alwi berkata, pindaan berkenaan membolehkan jabatannya memperluas dan mengukuhkan bidang penguatkuasaan mereka.

Katanya, ketika ini, kuasa Maqis hanya di pintu masuk, stesen kuarantin dan premis

kuarantin sahaja, namun sekiranya akta berkenaan dipinda, bidang kuasanya diperluaskan di seluruh negara kecuali Sabah dan Sarawak yang memilih Ordinan mereka.

“Melalui pindaan ini Maqis dapat bergerak sendiri termasuk membuat penangkapan dan pertuduhan kerana sebelum ini jabatan kami bergantung kepada kerjasama agensi lain seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

“Pindaan juga membolehkan Maqis menyer-

bu sendiri gudang atau premis di sekitar kawasan sempadan Malaysia-Thailand, yang dijadikan lokasi transit penyimpanan barangan seludup,” katanya selepas Majlis Serahan Sumbangan Bekalan Makanan Haiwan kepada Zoo Negara di Pejabat Maqis di sini, semalam.

Pada majlis itu, Maqis menyerahkan lapan tan ayam sejuk beku bernilai RM66,088 bagi meringankan beban pihak Zoo Negara dalam tempoh pandemik Covid-19.

Saiful Yazan berkata, selain itu, Maqis mendapat kelulusan menerima 56 senjata api dan kini dalam proses mendapatkan lesen bagi kegunaan anggota supaya penguatkuasaan lebih lancar.

**Maqis mendapat kelulusan menerima 56 senjata api**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI KELANTAN	28

## Maqis serah ayam beku seludup untuk Zoo Negara

Saiful Yazan (tengah) bersama Roslan (kiri) menyerahkan ayam beku kepada Zoo Negara yang diwakili Dr Naim (kanan) di Pejabat Maqis Rantau Panjang.



**RANTAU PANJANG** - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) menyerahkan ayam beku seludup bernilai RM400,000 yang dirampas oleh Pasukan Gerakan Am (PGA) dan Agensi Kawalan Sempadan (Aksem) kepada Zoo Negara sejak Covid-19 melanda negara ini Mac tahun lalu.

Ketua Pengarah Maqis, Saiful Yazan Alwi berkata, serahan itu bagi memastikan bekalan makanan haiwan di Zoo Negara mencukupi.

“Setakat ini kita sudah membuat empat serahan kepada pihak Zoo Negara,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Serahan Ayam Beku Kepada Zoo Negara di Pejabat Maqis Rantau Panjang di sini pada Ahad.

Hadir sama Pengarah Maqis Kelantan, Roslan Che At serta Pengarah Zoologi dan Veterinar Zoo Negara, Dr Naim Ramli.

Menurutnya, kesemua ayam sejuk beku itu dirampas oleh pasukan keselamatan selepas cuba dibawa masuk

secara tidak sah dari negara jiran menggunakan pangkalan-pangkalan haram di sekitar tebing Sungai Golok di sini.

Beliau berkata, kebanyakan bahan mentah ini dibawa masuk tanpa dokumen seperti permit import yang sah dari Maqis.

Saiful Yazan berkata, perbuatan mengimport ayam sejuk beku tanpa permit sah merupakan satu kesalahan di bawah Seksyen 11 (1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728).

Katanya, sepanjang tahun 2020 sebanyak 176,655 kilogram (kg) ayam sejuk beku telah dirampas oleh pasukan keselamatan membabitkan nilai RM1.4 juta.

“Kita akan terus bekerjasama dengan agensi keselamatan lain dalam membendung perkara ini.

“Isu halal merupakan perkara sensitif buat umat Islam dan Maqis tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak yang terlibat,” katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	KOSMO	NEGARA	18

Cuba perdaya APMM guna nombor pendaftaran bot tempatan

# Nelayan Vietnam curi ikan negara

Oleh KHAIROL MIZAN YAHYA

**KUANTAN** - Tindakan licik sebuah bot nelayan Vietnam cuba menyamar sebagai bot tempatan dengan menggunakan nombor pendaftaran palsu gagal mengaburi pihak berkuasa apabila mereka ditahan Maritim Malaysia (APMM) semalam.

Pengarah APMM Pabang, Lakamana Pertama Maritim Dahuk Amran Daud berkata, bot dari Vietnam itu ditahan kira-kira 40 batu nautika di timur laut Kuala Rompin ketika rondaan Ops Kuda Laut dilakukan kira-kira pukul 6 pagi semalam.

"Dalam kejadian itu KM Satria mengesan dua buah bot yang mencurigakan sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan dan ketika dihampiri, mereka bertindak memadamkan lampu sebelum cuba melarikan diri.

"Namun, tindakan pantas KM Satria berjaya memintas sebuah bot yang menggunakan nombor pendaftaran bot tempatan dan ketika pemeriksaan dilakukan,

Sehubungan itu, katanya, pihak APMM merampas semua peralatan menangkap ikan dan hasil tangkapan mereka yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta, manakala kru termasuk tekong dihantar ke Zon Maritim Kemaman untuk tindakan lanjut.

Dalam pada itu katanya, kes itu disiasat mengikut Seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang membawa hukuman denda sehingga RM6 juta bagi tekong dan RM600,000 bagi setiap kru kerana tidak memiliki sebarang permit untuk beroperasi di perairan di negara.

"Kes juga akan disabitkan dengan Akta Imigresen 1963/1963 Seksyen 6(1)(c) iaitu denda RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya.

"Menggunakan nombor pendaftaran palsu atau bot klon menjadi modus operandi nelayan Vietnam, namun sifat dan struktur fizikal bot yang berbeza membolehkan penguat kuasa mengesan taktik mereka," ujarnya.



**SEBUAH** bot nelayan asing yang dikesan menggunakan nombor pendaftaran tempatan sebagai helah untuk menangkap ikan di perairan Kuala Rompin semalam.

tekong memberikan dokumen katanya di sini. Menurut Amran, pemeriksaan lanjut terhadap 25 kru bot berkenaan juga mendapati mereka tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah dan dipercayai warganegara Vietnam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	SINAR HARIAN	MAHKAMAH & JENAYAH	21

# Kaut hasil laut RM1.5 juta guna bot klon

Taktik nelayan Vietnam guna nombor pendaftaran tempatan terbongkar

Oleh NORAWAZNI YUSOF

## KUANTAN

**S**ekumpulan nelayan warga Vietnam dikesan berselindung di sebalik bot klon dengan menggunakan nombor pendaftaran tempatan untuk mengaut hasil laut di negara ini.

Bagaimanapun, taktik mereka berjaya dikesan apabila bot berkenaan ditahan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim) pada jam 7 pagi Sabtu.

Bot dikendalikan sepenuhnya warga Vietnam itu ditahan ketika berada di kedudukan kira-kira 40 batu nautika di Timur Laut Rompin dengan membawa peralatan menangkap ikan dan hasil laut yang dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

Pengarah Maritim Pahang, Laksamana Pertama Maritim, Datuk Amran Daud berkata, kumpulan nelayan terbabit ditahan ketika pasukan Maritim menjalankan rondaan Ops Kuda Laut di Perairan Pahang dan mengesan bot yang mencurigakan sedang menjalankan aktiviti penangkapan ikan.

Ketika menghampiri bot terbabit katanya, pihak berku-



Hasil laut yang ditemui di dalam bot nelayan Vietnam ketika pemeriksaan dilakukan Maritim di kedudukan kira-kira 40 batu nautika di Timur Laut Rompin pada Sabtu.

asa mendapati seramai 25 kru termasuk tekong berusia 19 hingga 59 tahun dan tidak mempunyai sebarang dokumen pengenalan diri yang sah.

“Pemeriksaan lanjut mendapati dokumen yang dikemukakan tekong itu meragukan susulan nombor siri enjin bot berbeza dengan yang tercatat di dalam lesen.

“Kesemua mereka dibawa masuk ke Zon Maritim Keman untuk diserahkan kepada pegawai penyiasat bagi tindakan selanjutnya,” katanya dalam satu kenyataan pada Ahad.

Beliau berkata, kes disiasat di bawah seksyen 15(1)(a) Akta Perikanan 1985 yang membawa hukuman denda sehingga RM6 juta ke atas tekong dan RM600,000 ke atas setiap kru kerana tidak memiliki sebarang permit untuk beroperasi di per-

airan di Malaysia.

“Mereka juga boleh disabitkan dengan Akta Imigresen 1959/1963 Seksyen 6(1)(c) yang membawa denda RM10,000 atau penjara lima tahun atau kedua-duanya serta boleh dikenakan sebatan tidak lebih enam sebatan kerana tidak mempunyai pengenalan diri yang sah,” katanya.

Sementara itu, Amran berkata, taktik menggunakan nombor pendaftaran palsu atau bot klon menjadi salah satu modus operandi nelayan Vietnam untuk mengaburi pihak berkuasa.

Bagaimanapun katanya, sifat dan struktur fizikal bot nelayan Vietnam berbeza dengan bot nelayan tempatan serta kelakuan mereka yang mencurigakan membolehkan penguat kuasa menghidu aktiviti mereka di perairan negara.



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	ASTRO AWANI	ONLINE	

## Lembu KK Elit lebih besar, hasil formulasi makanan ternakan MARDI



Ahmad (kiri) memberi makanan formulasi kepada lembu pedaging pada Pelancaran Formulasi Makanan Ternakan bagi Lembu Kedah Kelantan Elit di MARDI, Kemaman, 7 Mac, 2021. --fotoBERNAMA

**CHUKAI:** Produk formulasi makanan ternakan hasil penyelidikan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) berjaya meningkatkan proses tumbesaran lembu dengan lebih cepat dan mampu mencecah berat sehingga 500 kilogram.

Penyelidikan MARDI bagi formulasi makanan ternakan mengikut pengeluaran bagi lembu jenis Kedah Kelantan Elit (KK Elit) itu diusahakan secara berterusan sejak 12 tahun lalu.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I Datuk Seri Ahmad Hamzah berkata produk formulasi tersebut turut berupaya memastikan ternakan mencapai jumlah makanan kering dalam bentuk komponen

nutrisi karbohidrat, protein, lemak, galian dan vitamin.

Katanya, formulasi tersebut merangkumi makanan peringkat penggemukan, pembiakan, laktasi dan pembesaran.

"Kesemua produk yang dihasilkan ini masing-masing mempunyai tambahan fungsi dan kelebihan tersendiri. Ia dirumus bagi mengimbangi keperluan nutrisi lembu baka KK Elit untuk semua peringkat produksi pada kos yang optimum.

"MARDI akan terus melaksanakan penyelidikan bagi menghasilkan teknologi baharu dari semasa ke semasa dan mengambil pendekatan proaktif menyelesaikan masalah yang timbul di lapangan untuk faedah penternak," katanya ketika sidang media selepas Majlis Pelancaran Formulasi Makanan Ternakan Mengikut Peringkat Pengeluaran Lembu Kedah KK Elit, di sini semalam.

Turut hadir Ketua Pengarah MARDI Datuk Dr Mohamad Roff Mohd Noor.

Ketika ditanya mengenai sasaran kerajaan bagi memastikan penyelidikan tersebut dapat dimanfaatkan penternak, Ahmad berkata pihaknya menasabah dalam tempoh enam bulan untuk menarik perhatian pemain industri.

Berikutan itu beliau mengalu-alukan individu dan syarikat berkaitan makanan ternakan untuk tampil mengadakan kerjasama serta memasarkan produk tersebut.

Sementara itu tinjauan pemberita di sekitar kawasan penyelidikan MARDI di sini, jelas menunjukkan kejayaan formulasi tersebut, malah lembu jantan yang baru sahaja berusia sekitar tiga hingga empat tahun telah mempunyai berat sehingga 460 kilogram.



Pegawai Penyelidik Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) Serdang, Mohd Rusly Shaari (kiri) dan Pegawai Penyelidik MARDI Kemaman, Dr Marini Ahmad Marzuki menunjukkan formulasi makanan lembu pedaging yang dihasilkan pada Pelancaran Formulasi Makanan Ternakan bagi Lembu Kedah Kelantan Elit dan Manual Teknologi Pengeluaran Lembu Pedaging Kedah Kelantan Elit di MARDI Kemaman semalam. - BERNAMA

Lembu betina pula mempunyai berat 250 kilogram bagi tempoh yang sama serta sihat.

Pegawai Penyelidik MARDI, Dr Marini Ahmad Marzuki berkata antara bahan yang digunakan menerusi formulasi tersebut ialah isi rung kelapa sawit, hampas kacang, sekam padi dan bijian jagung untuk dijadikan sumber karbohidrat yang mampu

membekalkan tenaga.

"Makanan diformulasi menggunakan sekurang-kurangnya 60 peratus bahan mentah tempatan dan ditetapkan aras tenaga serta protein mengikut peringkat produksi ternakan," katanya.

Selain itu Pegawai Penyelidik Kanan MARDI Dr Mohd Rusly Shaari berkata dalam tempoh 12 tahun itu juga, pihaknya telah berjaya membangunkan baka lembu KK Elit melalui program pemilihan dan peningkatan baka.

Katanya, hasil gabungan baka KK Elit dan formulasi tersebut, kadar kenaikan badan harian berjaya ditingkatkan daripada 350 gram sehari sehingga 800 gram sehari dalam sistem fidlot dengan pemberian formulasi makanan terumus.

-- BERNAMA

## 500kg cattle possible with Mardi's latest livestock feed



Deputy Agriculture and Food Industries Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah feeding cattle with Mardi's recent formulated feed at the institute's research area in Kemaman, Terengganu, yesterday. – Bernama pic, March 8, 2021

**CHUKAI** – The Malaysian Agriculture Research and Development Institute (Mardi) has successfully formulated livestock feeds that promote faster growth in cattle, enabling them to reach weights of up to 500kg, yielding better profits for breeders.

Deputy Agriculture and Food Industries Minister I Datuk Seri Ahmad Hamzah said this is among the impacts of Mardi's research on livestock feed formulations for the Kedah Kelantan Elite (KK Elite) breed, which the institute has been working on for the past 12 years.

He said the formulation, which encompasses feeds at the flushing, reproduction, lactation and growth stages, will also ensure farm livestock have an adequate amount of dry food with the required carbohydrates, protein, fat, minerals and vitamins.

"All the products produced have their own advantages and functions. They are formulated to balance the nutritional needs of KK Elite cows for all stages of production at an optimum cost.

"Mardi will continue to implement research to produce new technologies from time to time, and take a proactive approach to solve problems in the field for the benefit of livestock farmers."

On the government's target in ensuring the research could benefit such farmers, Ahmad said Mardi is looking to attract industry players within the next six months.

He also encouraged individuals and companies involved in livestock feed trading to come forward to establish cooperation and help market the products.

Checks at the institute's research area show promising signs of the formulation as 3 to 4-year-old male cattle weigh about 460kg, while cows the same age weigh only about 250kg.

Mardi research officer Marini Ahmad Marzuki said among the materials used in the formula are oil palm kernels, bean residue, rice husks and corn kernels – all carbohydrate sources for energy.

"The feeds are formulated using at least 60% local raw materials, and the levels of energy and protein are set depending on the stage of livestock production."

Mardi senior research officer Mohd Rusly Shaari said during the 12-year research period, the team also succeeded in developing the KK Elite breed through selective breeding.

He said by combining the KK Elite breed and formulation, the daily weight increase of a cow in the feedlot system has been successfully boosted from 350g to 800g. – Bernama, March 8, 2021

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	SINAR HARIAN	LAPORAN KHAS	7

BANK PERTANIAN MALAYSIA BERHAD 200601010522 (01131616-0)



# SELAMAT MENYAMBUT HARI WANITA SEDUNIA

Kami percaya wanita yang berkharisma, ber wawasan dan pandai menguruskan kewangan, mampu membawa kebahagiaan kepada diri sendiri, keluarga dan juga komuniti.

Mulakan simpanan bijak dengan Akaun Simpanan

**AGRO** *Farah-i*



Imbas kod QR untuk maklumat lanjut



[www.agrobank.com.my](http://www.agrobank.com.my)



[www.facebook.com / Agrobank](http://www.facebook.com/Agrobank)



@AgrobankMy



AgrobankTV

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	KOSMO	K2	29



**PENYELIDIK** daripada UM berkongsi maklumat mengenai ekonomi kitaran kepada penduduk kampung daripada golongan nelayan.



**SESI** bersama penduduk bagi memberi penerangan kepentingan pendidikan dan literasi dalam komuniti.

# Nelayan diajar asas bahasa Inggeris

## Kampus



Oleh **KHAIRIYAH HANAFI**

**K**EHIDUPAN sebagai nelayan di Pantai Timur sememangnya mencabar, baik dari segi sosioekonomi mahupun pembangunan insan.

Pendapatan yang tidak menentu, kekangan peluang penambahbaikan diri dan keluarga dalam bidang pendidikan serta capaian internet yang lemah merupakan antara cabaran kehidupan komuniti nelayan hari ini.

Atas rasa ingin menyumbang kepakaran yang ada, sekumpulan penyelidik dan pelajar pelbagai latar belakang jurusan daripada Universiti Malaya (UM) menganjurkan sistem sokongan koloberatif bahasa Inggeris (ACCESS) buat komuniti nelayan di Kampung Pulau Gajah, Pengkalan Chepa, Kelantan.

Diketuai oleh ketua penyelidik yang juga pensyarah kanan di Jabatan Pendidikan Bahasa dan Literasi, Fakulti Pendidikan UM, Dr. Zuwati Hasni, program tersebut mendapat kerjasama Persatuan Nelayan Negeri Kelantan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia, Kota Bharu.

Sasaran utama program adalah golongan nelayan berumur dalam lingkungan 30 hingga 40 tahun.

"ACCESS merupakan inisiatif untuk memberi kemahiran bahasa Inggeris kepada kumpulan nelayan bagi membolehkan mereka mengembangkan sektor tersebut dengan konsep ekonomi kitaran.

"Melalui pendedahan diberikan, mereka tidak lagi hanya bergantung kepada hasil tangkapan, tetapi boleh mengembangkan aktiviti tersebut dari sudut ekonomi pelancongan.

"Justeru untuk berbuat demikian, mereka sedikit sebanyak perlu mempunyai kemahiran pertuturan asas dalam bahasa Inggeris berkaitan bidang itu," katanya.

Menerusi program itu, seramai 40 orang peserta dipilih yang mana pemilihan dilakukan secara sukarela menerusi hebahhan dilakukan penganjur.

Saringan kemudian dibuat bagi memenuhi syarat keperluan iaitu peserta perlu mempunyai kemahiran membaca dan menulis.

Selepas itu, satu ujian ringkas turut diberikan kepada para nelayan yang berminat untuk menyertai program tersebut.

"Ini merupakan program antara disiplin bersama dua lagi program iaitu mendidik komuniti nelayan tentang aplikasi ekonomi kitaran dalam pelancongan mapan yang diketuai oleh Prof. Madya Gs. Dr. Rosilawati Zainol.

"Turut dianjurkan ialah program



**DR. ZUWATI**

meningkatkan kemahiran penduduk tempatan dalam menaik taraf dan pengurusan aset di kampung nelayan yang diketuai oleh Prof. Dr. Sr. Azlan



**PARA** peserta diperiksa suhu badan sebelum memulakan program bagi mematuhi prosedur operasi standard yang ditetapkan pihak berkuasa.

Shah Ali," jelasnya.

Program berteraskan peningkatan pendapatan dan kualiti kehidupan ini diadakan secara berkala dan kunjungan pertama pada 21 hingga 23 Ogos lalu dilakukan bertujuan untuk memahami situasi serta kehidupan sebenar golongan tersebut.

"Tempoh program ini adalah selama setahun dengan beberapa modul khas turut dibentuk dengan mengambil kira tahap kemahiran literasi dan bahasa peserta.

"Modul dibina dan dilaksanakan mengikut tahap merangkumi pengajaran dan pembelajaran bahasa menggunakan pendekatan *translation* dan *translanguaging*," katanya.

Di sebalik cabaran pandemik Covid-19 yang melanda seluruh dunia, kumpulan ini tetap melaksanakan program ACCESS.

Ini kerana, mereka lihat terdapat keperluan untuk membantu masyarakat nelayan khususnya dalam sektor perkembangan ekonomi dan komuniti setempat.

"Tinjauan awal kami mendapati, masih ramai belia dalam kalangan komuniti ini yang mempunyai masalah literasi dan mereka memerlukan bantuan dari segi pembentukan kreativiti dalam menjana pendapatan secara berterusan.

"Harapan kami adalah untuk melihat para peserta dapat menghayati dan memahami kepentingan bahasa sekali gus membantu mengembangkan aktiviti sehabian mereka.

"Bahasa yang dipelajari diharap dapat membantu mereka daripada sudut pemasaran penjualan barangan yang mereka hasilkan dan juga servis berkaitan perikanan yang ditawarkan kepada orang luar.

"Dengan sedikit langkah penambahbaikan dalam kemahiran ini, diharapkan mereka dapat meningkatkan pendapatan melalui pemasaran yang berkesan dengan penggunaan bahasa yang meyakinkan," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
8/3/2021	SINAR HARIAN	NEGERI PERAK/ P.PINANG	26

## 400 hektar tanah disediakan kepada siswazah

**KUALA KANGSAR** - Kerajaan Perak mempelawa siswazah untuk menyertai bidang pertanian yang berpotensi dibangunkan di negeri ini.

Bagi tujuan itu, kerajaan negeri dengan kerjasama Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (PPPNP) memperuntukkan kawasan seluas 400 hektar di Senggang, Kuala Kangsar untuk dimajukan sejak tahun lalu.

Exco Pembangunan Luar Bandar, Usahawan dan Koperasi Perak, Datuk Zainol Fadzi Paharudin berkata, setiap siswazah akan diberikan tanah seluas dua hingga lima hektar untuk pembangunan tanaman masing-masing mengikut kemahiran dan pengetahuan.

"Oleh kerana Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), beberapa projek tanaman yang sepatutnya dimulakan tahun lepas tidak dapat dijalankan. Namun, sebuah koperasi akan melaksanakan tanaman 100,000 pokok kopi jenis Robusta pada Ogos tahun ini membabitkan beberapa siswazah," katanya dekat sini pada Ahad.

Bercakap dalam sidang akhbar selepas merasmikan program Terjah Usahawan Luar Bandar di Kampung Jawang, Zainol Fadzi berkata, pihaknya yakin projek tanaman kopi Robusta itu mempunyai pasaran yang meluas selain mendapat permintaan yang tinggi, sedangkan bekalan masih tidak mencukupi dan beliau yakin projek pertanian itu dapat memberikan pulangan sekali gus menyediakan peluang pekerjaan kepada siswazah. - *Bernama*

FOTO: FB ZAINOL FADZI



Zainol Fadzi (dua dari kanan) menanam anak pokok kopi Robusta selepas merasmikan program Terjah Usahawan Luar Bandar di Kampung Jawang, Kuala Langsar pada Ahad.

# Berbakti pada tanah di usia 77

Ruminah masih gigih usahakan tanaman jagung walaupun sudah bergelar warga emas

## PONTIAN

Usianya sudah 77 tahun, namun semangatnya untuk bergelar usahawan tani jagung yang mengusahakan tanah seluas kira-kira 8 hektar tidak pernah luntur.

Ruminah Nado@Mustafa, merupakan satu-satunya usahawan tani jagung di daerah ini yang masih aktif mengusahakan tanaman itu di sempadan Bukit

Batu-Sedenak.

Beliau yang menetap di Kampung Parit Puasa berkata, tanaman jagung menjadi punca rezeki buatinya dan Allahyarham suami, Salleho Taslim membekalkan sembilan orang anak.

"Mula-mula bantu suami di kebun untuk mencari rezeki demi anak-anak. Ketika itu bersama suami usahakan tanah tanam jagung dan kelapa sawit.

"Pemergian arwah suami pada tahun 2016 tidak mematahkan semangat saya untuk terus menjadi pekebun," katanya.

Katanya, beliau memilih untuk menanam jagung selepas melihat tanaman itu banyak diusahakan pekebun bukan Melaju selain jagung mudah untuk diuruskan berbanding tanaman



Ruminah tidak pernah mengenali erti jemu berbakti pada tanah walaupun usia sudah menjangkau 77 tahun.



Ruminah (kanan) bersama anaknya menunjukkan tanaman jagung yang diusahakan di sempadan Bukit Batu-Sedenak.

komoditi seperti kelapa sawit.

"Lagipun proses menanam jagung ini sesuai untuk wanita kerana tidak sukar seperti mengusahakan kelapa sawit.

"Walaupun tidak sebesar mana kebun jagung yang saya usahakan pada peringkat awal iaitu pada tahun 1995, tetapi lama-kelamaan ia semakin bertambah dengan memajak tanah

penduduk," katanya.

Ruminah berkata, dengan dibantu pekerja seramai empat orang, tanaman jagung diusahakan secara berperingkat iaitu sekitar satu hingga dua hektar bagi tempoh setengah bulan.

"Saya mampu menuai kira-kira 24,000 biji jagung setiap musim dengan jualan jagung bergantung kepada pasaran di

mana kadar purata harga bagi setongkol jagung manis kira-kira 70 sen," katanya.

Ruminah yang pernah menerima Anugerah Ibu Malaysia pada tahun 2008 bersyukur apabila kesemua anaknya berjaya menjejakkan kaki ke universiti dan salah seorang bergelar doktor pakar bedah berkat usahanya berbakti kepada tanah.